

RUNDINGCARA: Jalan Mengatasi Masalah Keluarga

Oleh:Dr. Siti Zulaikha Hj. Mohd. Noor, UKM,
Majalah Sinar Rohani, November 2003.

Rundingcara bukanlah suatu perkara yang baru muncul malah ianya wujud bersama-sama dengan kewujudan masyarakat manusia. Dewasa ini rundingcara yang berlaku mungkin berbeza dari segi cara dan metodenya dan bukan pula secara ikhtisas.

Di kalangan masyarakat Islam di Malaysia istilah rundingcara perkahwinan mula diperkenalkan bersama dengan pelaksanaan undang-undang keluarga Islam di awal tahun lapan puluhan. Tetapi pada hakikatnya, rundingcara perkahwinan telah pun diamalkan di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Tetapi amalan tersebut mungkin tidak menetapkan istilah seperti yang digunakan pada hari ini. Begitu juga dari segi metode dan tekniknya tidaklah sebagaimana yang diamalkan buat masa kini.

Di kalangan masyarakat Islam di kampung-kampung yang masih utuh semangat muafakat dan tali persaudaraan yang masih intim, setiap persoalan yang berhubung dengan kekeluargaan tetap dibawa berunding. Oleh sebab itulah timbul pepatah Melayu, "*Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*" dan "*Muafakat itu membawa berkat*". Umpamanya bermula dari urusan yang paling kecil iaitu ketika maharnya dan seterusnya tentang pengurusan kenduri kendara perkahwinan.

Suatu lagi faktor yang menjauhkan golongan muda dari golongan tua ialah apabila golongan muda dari desa bekerja dan bermastautin di bandar maka hubungan dengan ibu bapa atau datuk nenek mula jauh. Mereka susah untuk mendapat nasihat dan tunjuk ajar dari golongan tua. Dalam hal yang seumpama ini mereka tidak ada tempat untuk mengadu. Faktor corak hidup di bandar merupakan suatu gejala yang boleh mempercepatkan lagi keperluan masyarakat kepada rundingcara perkahwinan. Faktor inilah juga yang memantapkan lagi perkhidmatan rundingcara perkahwinan di negara-negara yang telah maju seperti di Amerika dan England.

Punca-punca Yang Menimbulkan Konflik Rumah Tangga

Punca-punca yang selalu menimbulkan konflik rumah tangga yang sering diadakan ke mahkamah-mahkamah syariah ialah seperti:

- i) Ketidakhafaman dan sikap cuai kedua suami isteri tentang tanggungjawab perkahwinan seperti perkahwinan ketika usia terlalu muda.

- ii) Campur tangan mertua.
- iii) Sikap suami yang bengis.
- iv) Suami/isteri yang suka berpoya-poya.
- v) Isteri yang terlalu cemburu.
- vi) Suami mempunyai hubungan dengan wanita lain.
- vii) Suami yang tidak mampu memberi nafkah.
- viii) Perzinaan.
- ix) Ketidakeimbangan dalam kemampuan seksual.
- x) Isteri enggan dimadukan.
- xi) Isteri mandul.

Masalah-masalah Rumah Tangga

Masalah-masalah rumah tangga boleh dibahagikan kepada empat bahagian yang besar seperti:

- a) Ekonomi
- b) Peribadi (emosi dan fizikal)
- c) Seks
- d) Sosial

a. Ekonomi

Di samping memenuhi keperluan psikologi perkahwinan juga mestilah memenuhi keperluan ekonomi. Dengan kata lain, di samping memberi kasih sayang kepada isteri, seorang suami juga berkewajipan memberi nafkah kepada isteri dan anak-anaknya. Terdapat beberapa masalah dari aspek ekonomi yang sering mencetus masalah rumah tangga seperti:

- i) Suami yang sememangnya tidak mampu menyediakan nafkah yang mencukupi.

- ii) Suami yang sengaja cuai menyediakan nafkah yang mencukupi.
- iii) Sikap isteri yang sentiasa meminta sesuatu yang sememangnya tidak dapat diadakan oleh pihak suami.
- iv) Sikap suami yang memeras harta isteri.
- v) Jika kedua suami isteri sama-sama bekerja, terdapat pula sikap berkira di antara keduanya di dalam menguruskan ekonomi rumah tangga.

b. **Peribadi**

Apa yang dimaksudkan dengan masalah yang berpunca dari peribadi ialah masalah yang melibatkan sikap fizikal dan emosional seseorang suami atau isteri. Umpamanya masalah kesihatan fizikal pihak suami atau isteri – suami yang mengidap penyakit yang tidak membolehkan ia mencari nafkah atau melayani isterinya. Begitu juga dengan isteri yang terlantar sakit atau tidak dapat melahirkan zuriat. Manakala masalah emosional pula seperti sikap suami yang cepat naik berang, perungus atau mempunyai kebiasaan melakukan kekerasan fizikal terhadap pihak isteri. Atau terdapat juga keadaan di mana isteri pula mengalami masalah emosional seperti garang atau terlalu cemburu.

Di dalam suatu kes yang pernah berlaku, si suami terlalu cemburu dan tidak mempercayai pihak isteri kerana isteri mempunyai hubungan yang karib dengan teman lelaki sepejabatnya. Dia telah dua kali menceraikan isterinya. Apabila dianalisa tentang latar belakangnya ternyata pihak suami telah mengalami satu trauma kesan dari perkahwinan ibu dan bapanya yang hancur dan begitu juga dengan perkahwinan saudara-saudara perempuannya yang lain.

c. **Seksual**

Lazimnya masalah seksual terjadi disebabkan oleh ketidakseimbangan dalam aktiviti seksual.

Pertama: Seperti suami/isteri yang mempunyai keinginan yang terlalu kerap atau sebaliknya suami yang terlalu dingin atau sememangnya telah hilang keupayaan seksual.

Kedua: Kejahilan atau kurang pengetahuan untuk mencapai kepuasan seksual sehingga menganggap pasangannya kurang mampu melayaninya.

Ketiga: Suami yang mempunyai sikap kasar melakukan hubungan seksual atau luar biasa.

Keempat: Suami atau isteri mempunyai hubungan seksual dengan orang lain.

d. **Sosial**

Aspek sosial yang selalu mencetuskan konflik rumah tangga merangkumi hubungan sosial di kalangan ahli keluarga (maksudnya hubungan dengan orang lain). Konflik rumah tangga yang melibatkan hubungan di kalangan ahli keluarga terjadi apabila menantu enggan menghormati mertua atau tidak mesra dengan ipar-duai. Begitu juga konflik boleh berlaku jika ibu atau bapa tidak begitu mesra dengan anak-anak. Malahan lebih buruk lagi jika tidak terdapat kemesraan antara kedua suami isteri. Umpamanya pihak suami selalu memikirkan soal pekerjaannya sehingga tidak ada masa yang terluang untuk dihabiskan bersama-sama isteri dan anak-anaknya.

Manakala hubungan yang melibatkan orang yang di luar hubungan kekeluargaan berlaku apabila suami atau isteri mempunyai hubungan kasih dengan orang lain atau telah melakukan perzinaan. Begitu juga dengan sikap suami atau isteri yang suka berpoya-poya.

Rundingcara Perkahwinan Menurut Perspektif Islam

Pada hakikatnya Islam telah menganjurkan prinsip-prinsip tertentu untuk membentuk, mengekal dan memperbaiki sesebuah rumah tangga. Tetapi dari segi tekniknya atau pendekatannya hendaklah disesuaikan dengan keadaan semasa. Rundingan di dalam bidang kekeluargaan amat diperlukan pada tiga peringkat berdasarkan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat.

Pertama: Pada peringkat awal iaitu ketika memilih pasangan.

Kedua: Apabila berlaku konflik rumah tangga.

Ketiga: Bagi pasangan yang telah lama berkahwin, tiba-tiba timbul perasaan dingin dari satu pihak terhadap pasangannya.

i. ***Rundingcara Pra-Perkahwinan***

Apa yang dimaksudkan dengan rundingcara pra-perkahwinan ialah rundingcara yang diberi sebelum seseorang dara atau teruna memastikan calon pasangannya. Islam telah menentukan ciri-ciri yang mesti diikuti dan mesti di jauhi di dalam memilih pasangan hidup. Misalnya di dalam sebuah hadis Rasulullah SAW telah menganjurkan supaya ciri agama diberi keutamaan meskipun pada hakikatnya manusia mengambil kira dari segi harta, rupa paras dan darjat keturunan. Di dalam hadis yang lain Rasulullah SAW melarang

seseorang lelaki mengahwini seorang wanita yang cantik jelita tetapi ia menjadi punca kejahatan.

Salah satu daripada faktor yang boleh menguatkan ikatan perkahwinan ialah rasa kasih dan suka kepada calon suami atau isteri, oleh itu Islam menganjurkan supaya melihat calon pasangan masing-masing dengan penuh adab yang digariskan oleh syara. Seorang calon suami dibenarkan melihat setakat muka dan kedua tapak tangan calon pasangannya, tidak lebih dari itu.

Di samping itu selepas akad terdapat khutbah nikah yang menjelaskan lagi tanggungjawab suami dan isteri. Oleh itu amatlah perlu bagi kedua mempelai mendengar khutbah tersebut. Khutbah nikah mestilah disusun dengan lebih kemas dan komprehensif. Meskipun dewasa ini kursus bagi pasangan yang akan mendirikan rumah tangga telah dikendalikan, malah menjadi semakin popular tetapi ternyata kursus yang diberikan hanya berkisar di sekitar tugas suami isteri menurut perspektif hukum. Tetapi hal apa yang boleh melengkapkan lagi kursus tersebut, termasuk juga hal yang berkaitan dengan pengurusan perbelanjaan rumah tangga, pengurusan rumah tangga dan juga kesediaan untuk menjadi ibu bapa (*parenting*).

Ternyata rundingcara pada peringkat awal ini lebih berbentuk tunjuk ajar, penerangan dan perbincangan.

ii. ***Rundingcara apabila berlaku konflik rumah tangga***

Dalam istilah fiqh terdapat perkataan "*Nusyuz*". *Nusyuz* bermakna keadaan di mana suami atau isteri enggan menunaikan kewajibannya sebagaimana yang dituntut oleh syara'. Terdapat arahan yang jelas berhubung dengan sikap seorang isteri yang enggan taat kepada suaminya.

Langkah awal yang mesti dilakukan terhadap isteri ialah dengan menasihatinya.

Kedua, jika *nusyuznya* masih berterusan meskipun telah dinasihati maka suami boleh meninggalkan tempat tidur dengan isteri.

Ketiga, pihak suami boleh memukul isterinya, pukulan sekadar mengajar dan bukan pada tempat yang sensitif seperti di muka.

Sebaliknya jika pihak suami yang *nusyuz* maka isteri hendaklah mengadu kepada Qadi.

Apabila *nusyuz* berlaku sehingga ke peringkat yang paling sengit maka ianya dikenali sebagai "*Shiqaq*". Apabila berlaku *shiqaq* maka terdapat satu

institusi pendamai yang dianjurkan oleh Islam yang dikenali sebagai "Hakim". Islam menganjurkan supaya dilantik seorang hakim mewakili pihak suami dan seorang hakim mewakili pihak isteri.

Nusyuz di pihak isteri timbul apabila keadaan selisih faham kian meruncing atau apabila pihak isteri terlalu membenci suaminya sehingga ia menurut *khuluk*. *Nusyuz* dari pihak isteri boleh berlaku kerana sikap isteri sendiri atau kerana sikap suami yang kejam.

Nusyuz dari suami pula berlaku kerana isteri sakit berpanjangan atau kerana terlalu tua. Bagi isteri yang menyedari hakikat ini maka ia akan bertolak ansur seperti memberikan gilirannya kepada isteri yang lain. Keadaan seumpama ini telah berlaku kepada Saudah isteri Rasulullah SAW yang telah tua dan mengizinkan gilirannya untuk A'ishah.

Pada peringkat ini rundingcara yang diperlukan adalah secara penyertaan langsung (*direct participation*) terhadap masalah yang dihadapi oleh kedua-dua pihak. Oleh itu konsep "**Hakam**" menetapi keperluan tersebut kerana wakil dari kedua-dua pihak hendaklah terdiri dari kalangan mereka yang memahami keadaan pihak yang diwakili. Maka dalam masyarakat yang sudah kompleks ternyata lebih banyak aspek diceburi maka adalah wajar pihak yang terlibat sebagai anggota Hakam terdiri dari berbagai-bagai kalangan.

iii. ***Rundingcara bagi Pasangan Yang Telah Lama Berkahwin***

Terdapat dua keadaan bagi pasangan yang telah lama berkahwin:

Pertama, terdapat pasangan yang masih saling sayang menyayangi, malahan hubungan menjadi lebih utama apabila semakin lama usia perkahwinan, kerana pada peringkat tersebut perkahwinan lebih memupuk perasaan saling perlu memerlukan dan persahabatan di antara keduanya.

Kedua, terdapat pasangan yang semakin lama usia perkahwinan mereka maka semakin pudar kemesraan dan kasih sayang antara keduanya. (lama bermaksud tujuh tahun ke atas).

Oleh sebab matlamat perkahwinan ialah untuk mengekalkan "**Mawaddah**" dan "**Sakinah**" di dalam sebuah rumah tangga, dan perceraian merupakan satu perkara halal yang paling dibenci oleh Allah SWT maka motif utama rundingan pada peringkat ini ialah:

- (a) Memperhebatkan kembali ikatan suami isteri;

- (b) Memberi panduan untuk mengatur program kehidupan demi untuk mengelakkan dari rasa bosan dan kesunyian;
- (c) Oleh kerana perkahwinan dalam kategori ini melibatkan mereka yang telah berusia pastilah dalam jangkamasa yang begitu lama semakin banyak pula masalah yang timbul sama ada dari aspek sosial, ekonomi, mental, fizikal dan sebagainya. Oleh itu jika masalah yang timbul terlalu serius maka masalah tersebut mesti diatasi atau jika perlu dirujuk kepada mereka yang mempunyai kepakaran.

Sebagai kesimpulan bentuk rundingcara pada peringkat ini lebih berbentuk menyedarkan atau peringatan dan juga perawatan atau pemulihan (*curative and rehalilitative*).

Runding Cara Menurut Perspektif Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia

Sebelum tahun lapan puluhan terdapat kesedaran bahawa perlu diletakkan pegawai wanita di Pejabat Qadi sebagai pembantu kepada Qadi. Negeri yang pertama mewujudkan jawatan Pegawai Wanita ialah Negeri Selangor. Kemudian diikuti oleh negeri-negeri lain. Ternyata pegawai-pegawai tersebut ditegaskan hanya sebagai pembantu Qadi di dalam melayani aduan di samping menasihati mereka.

Ternyata masyarakat Islam yang sedang berkembang pesat menghadapi proses pembangunan di Malaysia sedang berhadapan dengan suatu kenyataan. Kenyataan tersebut ialah unsur-unsur yang boleh meruntuhkan nilai-nilai insani telah mula menular bukan sahaja di bandar-bandar malahan juga ke desa-desa. Kesannya akhlak mulia manusia sudah mula rosak, kebendaan menjadi nilai utama dan masalah rumah tangga juga perlu turut meningkat.

Oleh itu pelaksanaan undang-undang Keluarga Islam adalah bertujuan untuk mewujudkan keluarga bahagia dan memastikan perlindungan kepada pihak yang teraniaya. Maka demi untuk mencapai matlamat tersebut kita tidak semestinya beranggapan bahawa segala "hukuman" yang terkandung di dalam undang-undang berkenaan dapat menggarap kesemua permasalahan keluarga tanpa melihat bahawa kadang-kadang kesalahan itu dilakukan oleh manusia kerana dia tidak tahu, jiwanya tidak tenteram atau berbagai-bagai masalah lagi. Maka adalah lebih adil sebelum ia menerima sebarang "hukuman" maka ia dinasihati atau dipulihkan. Semoga ikatan perkahwinan yang hampir terlerai itu akan berjaya diselamatkan.

Sebenarnya tidak terdapat suatu peruntukan khusus tentang rundingcara perkahwinan di dalam undang-undang keluarga, tetapi secara tidak langsung

terdapat peruntukan yang memerlukan Mahkamah menasihati kedua-dua pihak yang terlibat sebelum meluluskan perceraian. Misalnya jika suatu pihak telah bersetuju untuk bercerai dan Mahkamah telah berpuashati setelah melakukan penyiasatan bahawa perkahwinan tersebut tidak boleh diselamatkan, maka Mahkamah hendaklah menasihati pihak suami supaya melafazkan talaq.

Manakala dalam keadaan di mana suatu pihak lagi tidak bersetuju dengan perceraian atau terdapat kemungkinan untuk berdamai maka Mahkamah hendaklah melantik Jawatankuasa Pendamai yang terdiri dari seorang Pegawai Agama (Pengerusi) dan dua orang lagi yang mewakili pihak suami dan isteri.

Di samping itu terdapat institusi **HAKAM** bagi menyelesaikan masalah shiqaq yang berlaku di antara kedua suami isteri. Jika sekiranya **HAKAM** yang dilantik buat pertama kali gagal untuk mendapat jalan penyelesaian maka dilantik **HAKAM** yang baru.

Ternyata keadaan dewasa ini memerlukan kita menghayati sepenuhnya syariat Islam demi untuk kesejahteraan di dunia dan akhirat. Oleh itu, prinsip-prinsip pembinaan sebuah rumah tangga menurut perspektif Islam hendaklah dihayati dan didokong dengan sepenuhnya. Berdasarkan kepada apa yang berlaku ternyata persoalan berhubung dengan rundingcara perkahwinan di kalangan masyarakat Islam perlu diperbaiki dan diperkemaskan. Oleh itu dicadangkan:

- (a) Setiap Pejabat Pendaftar Perkahwinan dan Perceraian mempunyai Unit Rundingcara.
- (b) Setiap Unit Rundingcara mestilah mempunyai seorang kaunselor lelaki dan seorang kaunselor wanita.
- (c) Kerajaan Negeri mestilah membuat peruntukan bagi jawatan Kaunselor.
- (d) Seorang Kaunselor mestilah mempunyai ijazah Pertama dalam bidang Syariah dan diploma dalam bidang rundingcara.
- (e) Setiap Enakmen Keluarga Islam mestilah membuat peruntukan yang khusus berhubung dengan Unit Rundingcara dan bidang kuasa dan tugas-tugasnya.
- (f) Peruntukan berhubung dengan Jawatankuasa Pendamai dan HAKAM mestilah dirombak untuk diubahsuai dengan peruntukan berhubung dengan Unit Rundingcara.